*University Community Engagement Alliance (AUCEA) (2006)*, yang telah menyumbang kepada istilah LUKS. Istilah ini dirujuk sebagai perhubungan dua hala dengan universiti dalam membentuk usaha sama untuk mendapat manfaat yang tinggi. Pada peringkat awal, penglibatan sama ini boleh dibahagikan kepada tiga jenis, seperti yang dirumuskan oleh Strom (2011:36) daripada Boyer (1990) iaitu; pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan penemuan, dan komuniti dan penyelidikan. Sebenarnya LUKS merupakan sebahagian daripada advokasi awam. Peranan universiti tidak hanya menjurus kepada pengajaran dan penyelidikan sahaja tetapi pada masa kini penemuan LUKS adalah disedari penting dalam mentransformasikan sesebuah bandar dengan penemuan dengan universiti dan komuniti setempat yang tinggal dalam ruangnya. Dalam situasi kontemporari dan juga di masa hadapan, universiti bukan sahaja di seru untuk mempraktikkan LUKS tetapi lebih fokus peranannya dalam konteks advokasi awam untuk mendapat impak yang lebih tinggi dan untuk terus bertindak balas terhadap sebarang masalah sosioekonomi yang telah dihadapi secara lestari.

Jika dilihat dalam bidang geografi, sebelum ini, kebanyakan kajian yang dijalankan lebih menekankan peranan kepada sektor perindustrian dalam ruang bandar. Namun, kini, ahli geografi sudah mula memberi penekanan terhadap peranan universiti dalam mentransformasikan ruang bandar melalui LUKS. Perkara ini menunjukkan bahawa, pertemuan bandar, komuniti dan universiti adalah penting melalui konteks LUKS dalam memindahkan pengetahuan untuk menyelesaikan masalah sosioekonomi yang dengan jelas menampakkan kebergantungan kepada sumbangan universiti dalam bentuk pembangunan modal sosial, pembangunan modal ekonomi, pembangunan budaya dan



pembangunan persekitaran. (Sybille Reichert, 2006; Brukaradt et al. 2004; Garlick, 2001; Goldsworthy, 2006; Longley 2005; Neller, Hall & Eastall 2006; Shadbolt dan Kay, 2005 dan OECD, 2007). Pertemuan antara komuniti dan universiti adalah satu konsep yang berbeza dengan libatsama yang dipraktikkan oleh komuniti bersama dengan agensi kerajaan dan bukan kerajaan.

Scott dan Storper (2014), menjelaskan mengenai nexus ruang tanah bandar di mana ia perlu mengenal pasti aspek utama dalam proses pembandaran yang menjadi asas untuk pembentukan ruang bandar seperti ruang pengeluaran dalam pelbagai rupa, rangkaian, dinamik kumulatif kelompok dan pengasingan. Pada masa yang sama, kajian oleh Scott dan Storper (2014) menunjukkan bahawa, dalam bidang geografi bandar, aktor seperti firma dan isi rumah mewakili unsur-unsur asas dua bahagian luas nexus tanah bandar di mana tumpuannya adalah kerja dan pekerjaan tertumpu, dan ruang sosial bandar di kawasan kejiranan kediaman, biasanya dibezakan melalui elemen–elemen seperti pendapatan, bangsa, dan kelas.


Sehubungan dengan itu, dalam abad ke-21 ini, dalam nexus tanah bandar, pertemuan aktor-aktor seperti aktor universiti bersama komuniti dan badan pentadbir adalah penting. Dalam pertemuan bandar, universiti menjadi satu aktor yang penting melalui pelbagai bentuk aktiviti LUKS yang sedang dipraktikkan khususnya dalam suatu projek yang berkonsepkan advokasi awam yang sedang dilakukan dalam ruang bandar. Dalam pengurusan dan pelaksanaan sesuatu LUKS dalam bentuk projek advokasi awam, universiti boleh menjadi satu agen perubahan utama kepada pembangunan komuniti dan

ruang wilayah melalui aktiviti penglibatan sama. Saran (2009) dan Holland (2005:3), telah bersetuju bahawa ekonomi yang berasaskan pengetahuan yang berinovasi dan berteknologi tinggi memerlukan LUKS dalam mencapai keperluan sosial nasional terutamanya komuniti setempat.

Walau bagaimanapun, ciri-ciri LUKS yang baik hanya dapat dicapai sekiranya memahami maksud, prinsip dan proses yang terlibat seperti yang ditekankan oleh University Australian Catholic (UCU) (Howard, 2007:4). Mengikut UCU, terdapat beberapa elemen dalam memastikan kejayaan LUKS. Pertama, LUKS memerlukan satu perhubungan dan hubungan kerjasama. Kedua, faedah yang bernilai boleh menyumbang kepada kerangka keadilan sosial. Ketiga, struktur yang menyokong ciri-ciri kelestarian dalam penglibatsamaan. Keempat adalah sambutan dan penghargaan oleh universiti dan komuniti terhadap kemajuan yang telah dicapai (Howard, 2007:4). Secara umumnya, sumbangan terhadap pembangunan wilayah melalui peranan universiti melalui LUKS adalah terdiri daripada Pembangunan Modal Sosial, Pembangunan Budaya, Pembangunan Modal Ekonomi dan Pembangunan Persekitaran.

Dengan merujuk kepada Model hubungan universiti dan bandar lestari yang telah diubahsuai daripada Russo et al. (2007), yang jelas menunjukkan bahawa universiti mempunyai hubungan secara langsung dengan pemegang tanah dan komuniti dalam sesebuah bandar yang berkonsepkan lestari. Universiti terdiri daripada institusi dan perkhidmatan, infrastruktur, pelajar dan organisasi. Seterusnya, sektor swasta pula terdiri daripada komuniti perniagaan, persatuan industri dan kesatuan pekerja. Justeru itu,

sektor swasta merupakan kumpulan komuniti yang terdiri daripada warganegara dan persatuan, kumpulan pengguna lain dan institusi. Dalam mencapai modal insan pasaran untuk hasil pekerjaan, universiti adalah berperanan sebagai imej pekerjaan, prestij dan kedinamikan, sebagai sumber kewangan dan pelaburan, modal insan penyelidikan dan pembangunan dalam mencapai modal insan pasaran. Kerjasama universiti dengan sektor swasta mampu mewujudkan penyelidikan berasaskan pengetahuan. Pada masa yang sama, kerjasama antara komuniti dan universiti adalah sebagai satu lokasi perkhidmatan. Bagi pernyataan lanjut rujuk Rajah 1.1 diterjemahkan dan diubahsuai daripada Nurhazliyana Hanafi dan Norizan Md. Nor daripada Russo et al. (2007).



Rajah 1.1: Peranan Universiti melalui LUKS ke atas Pembangunan Wilayah Bandar  
 Sumber: Diterjemahkan dan diubahsuai daripada Nurhazliyana Hanafi dan Norizan Md. Nor daripada Russo et al. (2007)

## **1.2 Latar Belakang dan Konteks Kajian**

Kajian ini sebenarnya berfokus pada pertemuan bandar dalam konteks LUKS di mana memberi tumpuan khusus terhadap peranan bersama Universiti-Komuniti-Pentadbir dalam pembangunan wilayah bandar. Kajian ini, berteraskan hubungan dinamik neksus globalisasi-pengantarabangsaan-pendidikan tinggi dan implikasinya kepada komuniti setempat terhadap ruang geografi (Knight, 2003:4). Universiti dipercayai boleh menjadi satu aktor yang relevan kepada komuniti setempat untuk pembangunan wilayah. Desakan globalisasi dan pengantarabangsaan menyebabkan universiti lebih cenderung untuk terlibat dengan dunia luar berbanding komuniti setempat (Knight,2003:4). Perkara ini perlu diperbetulkan kerana neksus GLONACAL telah menyatakan bahawa kesan globalisasi juga saling berkait di peringkat setempat (Knight,2003:4). Kedinamikan neksus GLONACAL dan implikasinya terhadap peringkat global dan setempat terdiri daripada elemen masyarakat yang berpengetahuan, pasaran ekonomi, sains dan teknologi, liberalisasi perdagangan dan kerajaan seperti yang dihuraikan oleh Knight (2003:4).

Justeru, kajian ini berkisar kepada proses dan mekanisme yang diperlukan untuk penglibatan sama secara efektif antara universiti dengan komuniti setempat. Hal ini kerana dalam nexus tanah bandar pertemuan bandar oleh universiti, komuniti setempat dan badan pentadbir perlu melalui LUKS, proses dan mekanisme yang tepat adalah perlu disenaraikan dan diberi perhatian yang serius untuk memperoleh sumbangan yang terbaik. Maka, satu model deskriptif bagi menjelaskan proses penglibatan sama dan mekanisme yang dapat menggerakkannya perlu dibentuk sebagai panduan asas kepada

universiti, pemerintah dan komuniti setempat dalam memperoleh sumbangan yang terbaik sesebuah wilayah bandar ke arah lebih positif. Berikutan dengan impak globalisasi dan pengantarabangsaan, aktiviti penglibatan sama perlu diperbanyakkan dan mengenal pasti faktor-faktor yang boleh menyumbang kepada aktiviti ini.

### **1.3 Isu dan Permasalahan Kajian**

Dalam konteks ruang geografi, abad ke-21 ini telah membawa perubahan ekonomi secara mendadak iaitu daripada ekonomi yang berasaskan perindustrian kepada ekonomi yang berasaskan berpengetahuan. Perubahan ini telah memberi galakkan kepada masyarakat, di mana universiti mempunyai peranan dalam pertemuan dengan bandar dalam konteks LUKS. Rancangan Malaysia dari kedua hingga kesepuluh jelas menunjukkan bahawa terdapat pelbagai jenis transformasi yang telah dilakukan disebabkan tekanan pembangunan sosioekonomi yang telah dihadapi. Dari tempoh tahun 1956 hingga 1960, Rancangan Malaysia Pertama telah dirancang untuk membaik pulih pembangunan negara selepas kemerdekaan. Selepas itu, Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga telah dirancang untuk memajukan penduduk luar bandar untuk merapatkan jurang perbezaan antara kawasan bandar dan luar bandar.

Rancangan Malaysia Ketiga (RM3) yang telah dijalankan dari tahun 1976 hingga 1980 dalam tempoh Dasar Ekonomi Baru (DEB), juga mempunyai matlamat yang sama dengan RMK2 dan RM4 sekali di mana tumpuan utamanya adalah bagi membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Manakala dalam RM 5, RM6, RM7 dan RM8 lebih bermotif untuk meningkatkan sektor perindustrian dalam negara Malaysia.

Misalnya dalam RMK5, kerajaan telah melonggarkan peraturan mengawal hak milik syarikat dan pelesenan dalam sektor swasta. Selepas tempoh tersebut, perkembangan teknologi yang berterusan telah menyebabkan modal kapital dan komuniti setempat telah beralih dari ekonomi yang berdasarkan perindustrian kepada ekonomi yang berdasarkan pengetahuan yang memberi kelebihan terhadap teknologi serta cabaran terhadap fiskal pendidikan tinggi dan perubahan sosioekonomi dan budaya.

Dengan ini, kerajaan telah menggubal pelbagai jenis polisi melalui RM9 dan RM10 dalam menghadapi segala tekanan pembangunan yang berteraskan inovasi, berteknologi tinggi dan berpengetahuan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa, setelah kerajaan sedar kepentingan transformasi dari segi ekonomi dan masyarakat Malaysia lebih sesuai dirujuk sebagai masyarakat yang memerlukan pengetahuan dan pemindahan pengetahuan perlu dijalankan melalui peranan universiti dalam bentuk projek advokasi awam. Dari segi sosial pula, taraf hidup rakyat berdasarkan pengetahuan semakin meningkat dan sekaligus menjurus kepada transformasi dalam aspek budaya. Oleh hal yang demikian, peranan universiti berurusan secara langsung dengan komuniti setempat dalam konteks pembangunan ruang wilayah adalah sangat penting.

Kebanyakan negara tidak terkecuali termasuk Malaysia yang memerlukan kemahiran, inovasi dan pengetahuan baru daripada universiti dalam mengeluarkan produk perindustrian. Masalah seperti ini juga dihadapi oleh kebanyakan negara perindustrian dan kini di negara Malaysia seperti di negeri Pulau Pinang (Ma Chi Sato, 2007: 34). Berikutan dengan itu, Rancangan Malaysia Kesembilan dan yang Kesepuluh lebih

menekankan kepada 5 teras iaitu; Meningkatkan nilai tambah dalam ekonomi negara, Meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi serta memupuk minda kelas pertama, Menangani ketidaksamaan sosioekonomi yang berterusan, Meningkatkan tahap dan kemampuan kualiti hidup dan mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan negara. RMK 9 dan RM 10 lebih banyak menyatakan kepentingan ekonomi yang berasaskan berpengetahuan dan memerlukan teknologi dan inovasi yang baru untuk meningkatkan produktiviti (Unit Perancang Ekonomi (UPE), 2010). Berikutan dengan itu, kepentingan peranan aktor universiti bersama aktor kerajaan dan bersama orang awam seperti pihak industri yang ditekankan dalam Modal *Triple Helix* oleh Etzkowitz, (2002) telah dirasakan penting khususnya dalam konteks pembangunan wilayah bandar seperti Pulau Pinang yang mula memberi fokus misalnya dalam meningkatkan kemahiran, membangunkan kluster perindustrian, menumpukan kepada pelaburan berkualiti yang menyokong aktiviti nilai ditambah tinggi serta meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) (Unit Perancang Ekonomi (UPE), 2010).

Kepentingan LUKS khususnya dalam bentuk projek-projek advokasi awam untuk menjalankan peranan dan menyumbang kepada pembangunan bandar menunjukkan semakin penting. Di Malaysia antara kajian awal tentang peranan universiti, komuniti setempat dan kerajaan dalam pertemuan bandar untuk transformasi drastik melalui LUKS. Misalnya oleh OECD (*Organisation Economic Co-operation Development*) (2010) dan Saran (2009) yang jelas membuktikan bahawa kepentingan universiti dalam pembangunan wilayah bandar perlu di baik pulihkan dan memerlukan satu transformasi yang drastik.



Selaras dengan hasrat untuk meningkatkan lagi penglibatan sama universiti di Malaysia, maka pada 1 September 2007, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah mewujudkan jawatan Timbalan Naib Canselor untuk Jaringan Industri dan Masyarakat dan Bahagian Jaringan Industri Masyarakat (BJIM). Di samping itu, *University Strategic Enhancement Plan for Industry/Community Collaboration* telah digubal pada tahun 2010 (KPT, 2010). Perkara ini jelas menunjukkan bahawa kerajaan Malaysia mempunyai kesedaran dalam menyeru pihak universiti untuk melibatkan diri dalam pembangunan bandar.

Dalam konteks negeri Wilayah Bandar Pulau Pinang telah menjadi satu ruang atau kawasan geografi yang utama dan berkaitan antara sama lain yang terdiri daripada pusat atau bandar, luar bandar, pinggir bandar dan sebagainya. Wilayah Bandar Pulau Pinang sebenarnya mempunyai satu hubungan yang berkaitan sama ada dari segi ekonomi, sosial dan politik. Contohnya, hubungan dengan sempadan bandar seperti Butterworth, Bukit Mertajam, Nibong Tebal dan sebagainya. Tekanan globalisasi dan pengantarabangsaan telah memberi kesan yang drastik terhadap Wilayah Bandar Pulau Pinang. Kepentingan peranan universiti dalam mentransformasikan Wilayah Bandar Pulau Pinang semakin menyerlah. Komuniti setempat khususnya industri memerlukan teknologi yang mampu menginovasi hasil industri yang dikeluarkan. Cara mengorganisasikan sumber teknologi dalam produktiviti dan pembahagian barang dan perkhidmatan juga telah mengalami perubahan (Wong, 2009:2).

Tekanan globalisasi dan pengantarabangsaan telah memberi kesan yang drastik terhadap Pulau Pinang. Kepentingan peranan universiti dalam mentransformasikan Wilayah Bandar Pulau Pinang semakin menyerlah. Komuniti setempat khususnya industri memerlukan teknologi yang mampu menginovasi hasil industri yang dikeluarkan. Cara mengorganisasikan sumber teknologi dalam produktiviti dan pembahagian barang dan perkhidmatan juga telah mengalami perubahan (Wong, 2009:2).

Selain itu, keadaan sosial juga telah mengalami perubahan yang mendadak di mana komuniti setempat di ruang Wilayah Bandar Pulau Pinang amat memerlukan pengetahuan dan kemahiran yang baru. Komuniti setempat lebih menjurus kepada masyarakat yang berasaskan pengetahuan. Wilayah Bandar Pulau Pinang juga menunjukkan gambaran di mana amat memerlukan kapital manusia yang berpengetahuan tinggi khususnya dalam bidang sains dan teknologi. Masalah sosioekonomi yang sedang dihadapi oleh komuniti setempat semakin meningkat dan telah memberi kesedaran akan kepentingan dan sokongan daripada universiti. Pada masa yang sama, IPT seperti Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan universiti-universiti yang lain yang terletak di dalam Wilayah Bandar Pulau Pinang juga mampu menyumbang kepada bidang ekonomi kerana ekonomi berasaskan pengetahuan memerlukan elemen pengetahuan dan penyelidikan. Selain itu, USM yang merupakan IPT yang terletak di dalam Wilayah Bandar Pulau Pinang telah berjaya mendapat gelaran 'Universiti APEX' daripada kabinet telah menerima pengiktirafan ini pada 27 Ogos 2008. Hal ini disebabkan kesediaan USM untuk melakukan transformasi dalam meningkatkan pencapaian akademik.

Kajian ini memperlihatkan dalam pertemuan oleh universiti dan bandar apakah sumbangan dan peranan USM melalui LUKS ke atas Wilayah Bandar Pulau Pinang kerana seperti di universiti bertaraf penyelidikan yang lain, BJIM telah dibentuk di USM dan telah menetapkan misinya untuk menjalinkan hubungan erat dengan pihak industri dan masyarakat di dalam pelbagai bidang bagi merealisasikan visinya sejak tahun 2008 lagi. Berdasarkan maklumat yang terdapat dalam laman web BJIM, USM pernah menjalankan banyak projek berdasarkan komuniti dan industri dengan mengutamakan elemen kelestarian dalam aspek ekonomi, sosial, budaya, pendidikan dan persekitaran untuk bersama-sama membangunkan dan mentransformasikan negara (BJIM, 2013). Selain itu, BJIM USM sendiri dikatakan mempunyai proses dan mekanisme yang tersendiri dalam melaksanakan projek-projek dan pelbagai jenis aktiviti LUKS ( Untuk maklumat lanjut rujuk <http://icn.usm.my/index.php/bjim/deputy-vice-chancellor/note-from-dvc>).Berikutan dengan itu, telah wujud beberapa persoalan kajian berdasarkan perbincangan permasalahan yang telah dijelaskan sebelum ini.

Persoalan kajian yang dapat dirumuskan daripada isu dan permasalahan kajian ini adalah:

1. Adakah USM berperanan sebagai penggerak transformasi Wilayah Bandar Pulau Pinang melalui LUKS?
2. Bagaimana dan apakah sumbangan USM dalam pembangunan Wilayah Bandar Pulau Pinang melalui LUKS?
3. Bagaimanakah proses dan mekanisme yang digunakan oleh USM dalam menyumbang kepada LUKS?
4. Apakah hubung kait faktor-faktor yang menyumbang kepada LUKS?
5. Bolehkah proses dan mekanisme LUKS ini dijelaskan dalam suatu kerangka model deskriptif?

6. Dari sudut teori dan amalan perancangan, bolehkah penemuan di Wilayah Bandar Pulau Pinang diaplikasikan dalam konteks kawasan lain di Malaysia?

#### **1.4 Objektif Kajian**

Berpandukan isu dan permasalahan kajian di atas, kajian ini memberi tumpuan terhadap beberapa objektif berdasarkan persekitaran Wilayah Bandar Pulau Pinang dan USM sebagai status APEX dan penggubalan BJIM. Antara objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Mengupas peranan dan sumbangan Universiti Sains Malaysia (USM) sebagai penggerak transformasi Wilayah Bandar Pulau Pinang dari sudut LUKS.
2. Menganalisis proses dan mekanisme yang digunakan oleh USM dalam menyumbang kepada LUKS sebagai penggerak transformasi Wilayah Bandar Pulau Pinang.
3. Membangunkan kerangka Model-model Deskriptif yang menjelaskan mekanisme- mekanisme dan proses-proses LUKS sebagai penggerak transformasi Wilayah Bandar Pulau Pinang.
4. Menganalisis hubung kait faktor-faktor yang boleh menyumbang kepada LUKS.

Objektif pertama adalah untuk mengetahui peranan dan sumbangan USM sebagai penggerak transformasi Wilayah Bandar Pulau Pinang. Hal ini penting bagi mengetahui gambaran sebenar peranan yang telah dimainkan dan impak daripada LUKS khususnya projek-projek advokasi awam yang telah dijalankan dalam konteks Wilayah Bandar Pulau Pinang.

Objektif kedua pula menganalisis proses-proses dan mekanisme-mekanisme yang digunakan oleh aktor USM dalam pertemuan bandar bersama aktor yang lain. Objektif ini diperlukan dalam melihat jenis-jenis proses dan mekanisme yang terlibat oleh USM dan pihak komuniti setempat dalam konteks LUKS untuk pembangunan bandar secara pesat.

Objektif ketiga adalah merumuskan gambaran sebenar model deskriptif yang menjelaskan proses-proses dan mekanisme-mekanisme dalam menjalankan LUKS di peringkat wilayah bandar Pulau Pinang. Pengkaji memberikan maklumat-maklumat yang telah diperolehi melalui kaedah kajian lapangan dalam membentuk model-model deskriptif tersebut. Pembinaan model-model deskriptif ini perlu dijadikan sebagai panduan kepada semua pihak yang terlibat dalam LUKS dalam ruang bandar.

Objektif keempat adalah menganalisis faktor-faktor yang telah dijayakan dan yang telah diabaikan oleh USM dalam menjadikan sesuatu projek-projek advokasi awam mengikut konteks LUKS yang telah dianalisis.

## **1.5 Kawasan dan Skop Kajian**

Dalam kajian ini, Wilayah Bandar Pulau Pinang telah dipilih sebagai kawasan kajian kerana USM yang bertaraf APEX terletak dalam ruang geografi tersebut. Ruang wilayah bandar seperti Pulau Pinang menjadi salah satu kawasan yang sering berlaku perkembangan secara drastik dalam aspek pengangkutan dan penjelajahan, sering berlaku antara sempadan bandar utama dan kawasan sekeliling daripada pinggir bandar

dan luar bandar. Begitu juga ciri-ciri yang perlu ada pada sesebuah ruang wilayah bandar iaitu mempunyai visi, institusi pembangunan, kluster ekonomi yang efektif, kapital manusia dan juga peranan IPT yang tinggi terhadap pembangunan sosio ekonomi melalui aspek pengetahuan. Dalam wilayah Pulau Pinang, jumlah keseluruhan penduduk adalah berjumlah 1,350,671 orang. Wilayah Bandar Pulau Pinang boleh dirujuk sebagai sebuah kawasan Metropolitan kedua terbesar di Malaysia selepas Konurbasi Kuala Lumpur (Lembah Klang) dan juga bersempadan dengan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER).

Sementara itu, Wilayah Bandar Pulau Pinang memerlukan kepakaran dan pengetahuan daripada institusi pengajian tertentu khususnya daripada universiti. Hal ini kerana, dari segi perspektif geografi seperti yang dinyatakan oleh OECD (2010), peranan universiti adalah diperlukan untuk mentransformasikan sesebuah wilayah bandar khususnya melalui komuniti setempat. Sampel penyelidikan telah diambil daripada Bahagian Jaringan Industri Masyarakat (BJIM) USM kerana ia merupakan satu-satunya sampel formal yang memperlihatkan elemen LUKS.

Kajian telah memilih IPT USM sebagai kajian kes di Wilayah Bandar Pulau Pinang kerana ia telah dianugerahi status universiti APEX dan matlamatnya adalah untuk melihat sumbangannya ke atas pembangunan wilayah selain memberi pendedahan pendidikan. Penyelidikan ini hanya fokus USM dan bukan kesemua IPT supaya penyelidikan adalah berfokus. Dalam kajian ini, projek-projek LUKS USM adalah terdiri daripada keseluruhan wilayah bandar Pulau Pinang dan ia dapat dibahagikan

kepada kawasan bandar, luar bandar, pinggir bandar dan pembangunan lonjakan (*Leapfrog*) dalam mengetahui peranan dan sumbangannya. Selain itu, sesi temu bual telah dijalankan di pusat pentadbiran dan perkhidmatan universiti dalam memperoleh gambaran polisi-polisi perancangan ke arah LUKS khususnya dalam konteks wilayah bandar.

Pada masa yang sama, senarai jabatan kerajaan dan bukan kerajaan di Wilayah Bandar Pulau Pinang yang pernah menjalankan usaha penglibatan sama dengan USM telah dikumpulkan daripada Laporan projek komuniti BJIM, USM yang tidak diterbitkan dari tahun 2008 hingga 2010. Memandangkan proses dan mekanisme dalam mempraktikkan LUKS adalah penting, maka, penyelidik telah memperlihatkan proses dan mekanisme yang dipunyai oleh USM yang pada akhirnya berkaitan suatu model deskriptif yang akan dibentuk bagi menjelaskan keadaan sebenar proses dan mekanisme dalam mempraktikkan LUKS.

## **1.6 Kepentingan Kajian Terhadap Bidang Geografi**

Kajian ini sebenarnya mempunyai kepentingan yang tinggi terhadap bidang geografi iaitu geografi bandar di mana telah menyerlah kepentingan peranan IPT dalam pembangunan wilayah melalui LUKS. Dalam pembangunan ruang wilayah, kini ekonomi yang berasaskan berpengetahuan dan keperluan tahap inovasi yang tinggi untuk pihak industri. Pada masa yang sama dalam ekonomi berdasarkan berpengetahuan komuniti setempat perlu meningkatkan taraf hidup dan perkara ini dapat menjurus kepada pembangunan wilayah. Di samping itu, kajian ini juga memberi satu gambaran

jelas bahawa universiti sebenarnya mempunyai peranan dan sumbangan penting bagi sesebuah wilayah bandar. Penyelidikan OECD oleh Ischinger dan Puukka (2009), telah membuktikan peranan universiti dalam mentransformasikan sesebuah wilayah bandar melalui libatsama dengan komuniti setempat khususnya dengan pihak industri (<http://www.changemag.org/May-June%202009/full-cities-regions.html>). Selain itu, kajian ini juga diharapkan dapat menjelaskan secara tepat proses dan mekanisme yang terlibat dalam menjayakan LUKS. Kajian ini juga selaras dengan hasrat untuk memartabatkan serta memperkasakan peranan universiti seperti yang termaktub dalam Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara. Dalam era globalisasi ini, universiti bukan sahaja dirujuk sebagai gedung ilmu tetapi berperanan besar dalam mentransformasikan sesuatu ruang geografi.

## **1.7 Kaedah Kajian**

Kajian ini telah menggunakan Kaedah penyelidikan Induktif dengan melihat kepada situasi sebenar pertemuan bandar, komuniti dan universiti dalam suatu projek advokasi awam dengan melihat fokus kepada USM. Strategik penyelidikan telah digunakan kerana Objektif-objektif kajian adalah lebih melihat kepada peranan dan sumbangan USM melalui LUKS dalam mentransformasikan Wilayah Bandar Pulau Pinang. Kajian ini telah menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif iaitu temu bual secara mendalam, menganalisis kandungan dokumen dan temu bual kumpulan tumpuan. Bahan-bahan bacaan dan data-data rasmi yang diperlukan berdasarkan kajian telah diperoleh melalui kaedah analisis kandungan dokumen dan bahan bacaan. Data-data rasmi yang utama adalah data rasmi BJIM USM berkenaan LUKS.



Dalam penyelidikan ini, kaedah temu bual secara mendalam telah dijalankan dengan pihak-pihak terbabit seperti ketua-ketua projek komuniti USM, pihak pentadbir dan pusat perkhidmatan USM, ahli - ahli EXCO Wilayah Bandar Pulau Pinang dan pihak kerajaan dan juga bukan pihak kerajaan yang terlibat secara langsung dengan USM. Kaedah penyelidikan terakhir adalah kumpulan sasaran merangkumi komuniti yang terlibat dalam projek komuniti yang telah dipilih secara rawak. Sebanyak 28 projek komuniti dari kategori kawasan bandar, luar bandar, pinggir bandar dan kawasan pembangunan *Leapfrog* yang telah dikenal pasti telah dipilih secara rawak.

## **1.8 Analisis Data**

Kesemua data yang telah diperolehi telah dianalisis mengikut kaedah analisis kandungan. Pada mulanya hasil kajian akan digunakan untuk menganalisis sumbangan libatsama oleh badan pentadbir utama USM dan libatsama dengan pusat perkhidmatan USM. Justeru itu, alat pengukur Spektrum Libatsama telah digunakan untuk melihat kepada tahap dan sumbangan pihak EXCO, badan kerajaan dan bukan kerajaan. Alat pengukur ini telah digunakan selepas ia telah dibuat pengubahsuaian untuk memperoleh hasil yang lebih baik. Seterusnya, adalah untuk mengukur sumbangan dan peranan projek-projek komuniti USM yang telah dipilih secara rawak iaitu mengikut kategori bandar, luar bandar, pinggir bandar dan pembangunan *Leapfrog* telah dianalisis dengan menggunakan alat pengukur REAP 2 LUKS.

## **1.9 Batasan Kajian**

Kajian ini terbatas kepada beberapa bahagian. Antaranya ialah, batasan kajian dari segi kos dan masa. Hal ini menyebabkan penyelidik hanya mengkaji sebahagian wilayah Pulau Pinang daripada negara Malaysia. Di samping itu, penyelidik juga menghadapi masalah kerjasama dalam mendapatkan data dan maklumat khususnya daripada pihak kerajaan dan komuniti setempat. Pada masa yang sama, juga mengalami masalah dalam mendapatkan rekod-rekod yang lengkap khususnya daripada pihak-pihak tertentu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam kajian ini.

## **1.10 Organisasi Tesis**

Tesis ini terbahagi kepada lima bab. Bab satu merangkumi pengenalan kajian. Bab ini menjelaskan latar belakang masalah yang dikaji dan konteks kajian. Kepentingan dan objektif kajian juga turut dinyatakan dengan terperinci dalam bab ini. Akhir sekali, dalam bab ini dijelaskan tentang andaian, kepentingan kajian dan reka bentuk kajian yang digunakan oleh penyelidik dari awal hingga akhir kajian.

Bab kedua pula membincangkan dan menghuraikan teori konsep dan metodologi kajian. Bab ini menjelaskan teori dan model tentang peranan IPT dan proses dan mekanisme yang terlibat dalam libat sama IPT dengan komuniti setempat. Penjelasan teori di sini adalah meliputi keperluan dan peranan IPT dalam pembangunan wilayah bandar melalui LUKS. Bab ini juga telah menjelaskan berkenaan konseptual dan empirikal kajian dengan lebih jelas. Beberapa kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk dan skop kajian ini juga dibincangkan sebagaimana seperti objektif yang telah ditetapkan. Selain

itu, pendekatan dan kerangka model kajian juga diperjelaskan. Pada masa yang sama sumbangan penulis terhadap elemen teori juga turut diperincikan. Justeru itu bab ini juga telah selitkan berkenaan latar Belakang IPT dan senario pembangunan wilayah melalui LUKS di negara Malaysia. Yang seterusnya juga telah dijelaskan berkenaan metodologi kajian, iaitu kaedah Kualitatif, strategi penyelidikan, serta istilah dan konsep yang digunakan. Selain itu, pensampelan, profil responden, ujian rintis dan kaedah analisis data juga diperincikan.

Dalam bab tiga latar belakang kawasan kajian, USM dan Projek Komuniti USM ini diperihalkan secara terperinci. Dalam bab ini telah diperbincangkan berkenaan latar belakang atau ciri-ciri kawasan kajian. Selain itu, bab ini juga menerangkan latar belakang dan ciri-ciri Wilayah Bandar Pulau Pinang. Pemilihan IPT USM sebagai sampel kajian juga dijelaskan. Pada masa yang sama, latar belakang umum berkenaan projek komuniti berbentuk LUKS akan diperjelaskan kepada pembaca dalam memahami konteks dan struktur projek berbentuk LUKS USM dalam Wilayah Bandar Pulau Pinang.

Bab seterusnya iaitu bab keempat iaitu memberi fokus kepada Tadbir Urus, Proses dan Hasil. Dalam bab ini, hasil kajian untuk objektif yang pertama iaitu melihat kepada peranan dan sumbangan USM sebagai penggerak transformasi Wilayah Bandar Pulau Pinang dari sudut LUKS telah diperjelaskan di mana hasil dapatan peranan USM melalui libatsama dengan pihak EXCO, badan kerajaan dan badan bukan kerajaan juga diukur dengan menggunakan alat pengukur Spektrum Libatsama yang telah diubahsuai

dan juga alat pengukur REAP 2 dalam mengukur sumbangan projek-projek komuniti mengikut kategori kawasan bandar, luar bandar, pinggir bandar dan pembangunan *Leapfrog* yang dijalankan dalam Wilayah Bandar Pulau Pinang.

Justeru itu, hasil kajian untuk objektif yang kedua juga akan diperjelaskan dalam bahagian ini di mana mengupas proses dan mekanisme yang digunakan oleh USM dalam menyumbang kepada LUKS sebagai penggerak transformasi Wilayah Bandar Pulau Pinang dan yang terakhir adalah hasil dapatan kajian objektif ketiga dan keempat kajian iaitu membina kerangka model deskriptif yang menjelaskan proses-proses dan mekanisme-mekanisme LUKS sebagai penggerak transformasi Wilayah Bandar Pulau Pinang dan merungkai hubungan faktor-faktor yang boleh menyumbang kepada projek LUKS USM dalam Wilayah Bandar Pulau Pinang.

Bab lima merupakan merangkumi rumusan, implikasi kepada teori dan konsep dan kefahaman mengenai bandar, komuniti, advokasi awam dan universiti. Dalam bab ini rumusan berdasarkan hasil kajian terhadap objektif-objektif kajian telah dihuraikan dengan teliti. Selain itu, implikasi kepada teori, konsep dan kefahaman mengenai bandar, komuniti, advokasi awam telah diperjelaskan. Kajian telah membuktikan bahawa universiti mempunyai peranan yang penting dalam pembangunan Wilayah Bandar Pulau Pinang.

## **1.11 Kesimpulan**

Kesimpulannya, kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada semua pihak yang berkaitan secara langsung dan tidak langsung khususnya dalam bidang pembangunan wilayah melalui LUKS. Seterusnya adalah bab karya yang berkaitan dengan tema kajian yang meliputi hasil sumbangan kajian di dalam negara dan di luar yang saling berkaitan dengan tema kajian yang sedang dilakukan.